



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES
Aras 1,3,4 & 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000
Faks : 603-8889 2443
Laman Web : www.dosh.gov.my

Ruj. Tuan : MTXQ/L-JS/2024-010
Ruj. Kami : JKPP IS 127/682/20-3 (2)
Tarikh : 19 Jun 2024

Pengarah Urusan

Matrix Quantum Sdn. Bhd.

Lot 180, Jalan 1A, Kampung Baru Subang,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

KELULUSAN SEBAGAI PENYEDIA LATIHAN BAGI KURSUS JURUTERA DANDANG STIM

Adalah saya dengan segala hormatnya diarah untuk merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan ini bersetuju untuk meluluskan pendaftaran **Matrix Quantum Sdn. Bhd. (1490003-x)** sebagai Penyedia Latihan bagi Kursus Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1) dan Dua (2) yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 03623



QS 02121999 CB 01



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO. : OHS 00830



OSH 06122905 CB 01



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO. : ABMS 00163



ABMS 21082019 CB 01

- i. Semua kursus hendaklah hanya dijalankan di premis induk yang telah diluluskan atau premis cawangan seperti alamat di bawah :-

Alamat Premis
Matrix Quantum Sdn. Bhd. Lot 180, Jalan 1A, Kampung Baru Subang, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

- ii. Senarai tenaga pengajar yang dibenarkan adalah seperti di Lampiran 1;
- iii. Semua modul yang dijalankan hendaklah mengikut seperti mana modul yang dikemukakan di dalam permohonan tuan serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini;
- iv. Pihak tuan dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan ini bagi setiap kursus yang akan dijalankan secara bertulis atau atas talian selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh program dijalankan. Makluman boleh dibuat melalui pautan berikut;



<https://forms.gle/funfgZShkbAqch857>

- v. Jabatan akan memantau dari semasa ke semasa kursus yang akan dijalankan dengan menghantar 2 orang pegawai JKPP semasa kursus berlangsung;

- vi. Laporan senarai peserta yang diberikan sijil kursus hendaklah dihantar kepada Jabatan ini selewat-lewatnya 2 minggu dari tarikh tamat kursus;
 - vii. Rekod kursus seperti nota, modul perancangan pembelajaran, senarai kehadiran, penilaian peserta oleh pengajar, maklumbalas program dan keputusan peperiksaan peserta hendaklah disimpan dan dikemukakan apabila diminta oleh Jabatan ini;
 - viii. Sebarang pertukaran atau pertambahan tenaga pengajar, modul kursus dan tempat program hendaklah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan ini; dan
 - ix. Pihak tuan juga dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa;
4. Kelulusan ini sah selama **tiga (3) tahun** bermula dari tarikh surat ini. Pihak tuan adalah dikehendaki mengemukakan permohonan lanjutan kepada Jabatan ini **tiga (3) bulan** sebelum tarikh sah tamat.
5. Pengikhtirafan ini akan terbatal dengan sendirinya jika terdapat mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan, tidak dipatuhi atau ianya boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



(IR. HJ. MOHD HATTA BIN ZAKARIA)

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Malaysia

s.k 1) Pengarah, Bahagian Keselamatan Industri, JKPP Ibu Pejabat.

2) JKPP IS 127/682/20-3

LAMPIRAN 1

**SENARAI TENAGA PENGAJAR YANG DILULUSKAN UNTUK
MENGAJAR DI MATRIX QUANTUM SDN. BHD.**

BIL.	NAMA	NO. K/P	JKPP IS 127/682/21-	TETAP / JEMPUTAN
1	Mohamad Hiswandy Bin Ishak	761016-13- 5767	04	TETAP
2	Zainee Bin Mohamad	750729-01- 5307	05	JEMPUTAN
3	Mohd Najib Bin Tugiman	780910-10- 5793	06	JEMPUTAN